

Menunaikan Hak Sesama Muslim



Siri Hadis an-Nabawi

079 | 2024 | **البيان**



Menunaikan Hak Sesama Muslim

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
خَمْسٌ تَجِبُ لِلْمُسْلِمِ عَلَى أَخِيهِ، رَدُّ السَّلَامِ، وَتَشْمِيتُ الْعَاطِسِ
وَإِجَابَةُ الدَّعْوَةِ، وَعِيَادَةُ الْمَرِيضِ، وَاتِّبَاعُ الْجَنَائِزِ

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:
Lima perkara wajib bagi seorang Muslim terhadap saudaranya sesama Muslim iaitu: menjawab salam, mendoakan kepada orang yang bersin, memenuhi undangan, menziarahi orang sakit dan mengiringi jenazah.

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2162)

<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ

خَمْسٌ تَجِبُ لِلْمُسْلِمِ عَلَى أَخِيهِ : رَدُّ السَّلَامِ ، وَتَشْمِيتُ الْعَاطِسِ ، وَإِجَابَةُ الدَّعْوَةِ ، وَعِيَادَةُ الْمَرِيضِ ، وَاتِّبَاعُ الْجَنَائِزِ

Daripada Abu Hurairah berkata, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda: Lima perkara wajib bagi seorang Muslim terhadap saudaranya sesama Muslim iaitu: menjawab salam, mendoakan kepada orang yang bersin, memenuhi undangan, menziarahi orang yang sakit dan mengiringi jenazah.

JABATAN MUFTI SARAWAK

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2162)

Menjawab Salam

Di dalam kitab al-Minhaj, Imam an-Nawawi menyebut bahawa menjawab salam itu bermaksud menyebarkan salam. Apa yang perlu kita jadikan sebagai amal seharian kita ialah setiap kali berjumpa seseorang maka disunatkan untuk memberi salam atau mengucapkan salam dengan lafaz "Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh." Paling sedikit ucapan salam itu memadai dengan "Assalamualaikum" bukan pula dengan "salam" yang sering digunakan oleh masyarakat kita sekarang, terutama dalam penulisan mesej. Adapun bagi yang mendengar salam pula wajib baginya untuk menjawab salam tersebut.

Mendoakan Orang Yang Bersin

Maksud di sini ialah apabila kita mendengar seseorang bersin di sekitar kita dan dia mengucapkan “alhamdulillah” selepas bersin, maka sunat untuk mendoakannya dengan lafaz “semoga Allah merahmatimu”. Adapun hukum sunat di sini ialah sunat kifayah yang bermaksud, sekiranya sebahagian lain sudah mendoakan, maka gugurlah hukum sunat ke atas yang lain.

Memenuhi Undangan

Jumhur fuqaha Maliki, Syafi’i, Hanbali dan sebahagian Hanafi bersepakat bahawa memenuhi undangan kenduri kahwin (*walimah al-‘ursi*) adalah wajib. Manakala undangan selain dari kenduri kahwin adalah sunat selama mana tiada keuzuran. Begitu juga, walimah (kenduri) yang berbentuk maksiat, terdapat perkara mungkar, gambar-gambar yang haram digantungkan, terdapat kesesakan manusia di dalam majlis tersebut, dan majlis bercampur dengan lelaki dan perempuan, adalah tidak wajib dipenuhi undangannya. Lihat dalam al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah Jilid 45, m/s 233 & 242.

Menziarahi Orang Sakit

Jumhur Fuqaha berpendapat bahawa menziarahi pesakit adalah sunat sebagaimana yang telah disebut oleh Ibn ‘Alan (ulama mazhab Syafi’i) bahawa hukum menziarahi orang sakit adalah sunat kifayah. Imam an-Nawawi juga menukulkan pendapat ijmak bahawa tiada kewajipan ke atas individu menziarahi orang sakit. Walaupun hukumnya sunat, Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam telah menyebut keutamaan dan kelebihan menziarahi orang sakit sebagaimana dalam sabda baginda:

Maksudnya: *"Tiada seorang Muslim yang menziarahi Muslim lain pada waktu pagi melainkan tujuh puluh ribu malaikat akan mendoakannya sehingga petang. Dan jika dia menziarahinya pada waktu petang, tujuh puluh ribu malaikat akan mendoakannya sehingga pagi, dan baginya pohon buah-buahan di syurga."*

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 969)

Selain itu, adab menziarahi orang sakit perlu diamalkan supaya tidak ada perkara yang membebankan kepada pesakit dan menyebabkannya menjadi putus harapan untuk bersabar atas kesakitan yang dialami. Antara adab yang perlu kita amalkan adalah seperti berikut:

- 1) Tidak duduk bersempang terlalu lama
- 2) Duduk di posisi yang dekat dengan pesakit
- 3) Meletakkan tangan di anggota yang sesuai disentuh seperti tangan (pastikan sama jantina)
- 4) Bertanya khabar tentang keadaannya
- 5) Memberi kata-kata yang menyenangkan tentang kehidupannya
- 6) Memberi pesanan untuk bersabar dengan kesakitan dialami
- 7) Menyebut kepadanya tentang kelebihan bersabar atas ujian dan sakit
- 8) Meminta doa darinya, kerana doa orang sakit itu mustajab
- 9) Mendoakan pesakit

Doa yang boleh kita baca ketika menziarahi pesakit adalah seperti yang dinukilkan di dalam hadis berikut:

Maksudnya: *Daripada ‘Aisyah Radhiyallahu ‘anha, bahawa Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam apabila mendatangi (menziarahi) orang sakit atau mereka (orang yang sakit) datang kepadanya, Baginda akan membaca:*

أَذْهَبِ الْبَأْسَ رَبَّ النَّاسِ، إِشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءٌ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا

“Hilangkanlah kesakitan wahai Tuhan sekalian manusia, berikanlah kesembuhan sedangkan Engkaulah yang memberi kesembuhan, tiada kesembuhan kecuali kesembuhan dari-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan penyakit.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 5675)

Mengiringi Jenazah

Jumhur Fuqaha bersepakat bahawa mengiringi jenazah bagi lelaki adalah sunat. Adapun bagi wanita adalah makruh hukumnya mengiringi jenazah menurut mazhab Syafi'i sebagaimana disebut oleh Imam an-Nawawi. Beliau menafsirkan hadis Ummu 'Athiyyah iaitu:

هُيْنَا عَنْ اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ وَلَمْ يُعْزَمْ عَلَيْنَا

"Kami dilarang mengikuti pengebumian dan tidak diperintah ke atas kami atas perbuatan tersebut"

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no.1278)

Maka larangan yang dimaksudkan di dalam hadis ini ialah larangan makruh tanzih bukan larangan pengharaman. Walau bagaimanapun, hendaklah kita menjaga adab ketika mengiringi jenazah sehingga ke liang lahad seperti tidak berteriak-teriakan, meratap berlebihan atau membuat sesuatu yang boleh membawa syirik kepada Allah Subhanahu wata'ala.

Imam Abdullah bin Alwi al-Haddad menyebut hak Muslim ke atas Muslim yang lain di dalam kitab *an-Nashoih ad-Diniyyah wa Washoya al-Imaniyyah* antaranya ialah:

Menasihati dalam perkara agama

Sebagai seorang Muslim, kita perlu memberi nasihat kepada Muslim yang lain agar kehidupannya sentiasa berlandaskan syariat Islam. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk saling menasihati supaya sentiasa mengutamakan agama Islam dalam apa juga urusan duniawi serta menggalakkan berbuat taat kepada Allah Subhanahu wata'ala.

Saling bantu membantu berpaksikan kebaktian dan ketakwaan

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah).”

(Surah al-Ma'idah 5:2)

Membantu saudara Islam dengan memenuhi keperluan sehingga dapat membuat mereka merasa gembira atas bantuan yang diberikan. Islam mengajar kepada semua hamba Allah Subhanahu wata'ala untuk membantu antara satu sama lain. Contoh yang boleh kita ambil sebagai ibrah (pelajaran) ialah kegigihan kaum Ansar memberi bantuan kepada Muhajirin daripada Mekah untuk mendapatkan perlindungan daripada kekejaman kaum Quraisy ketika itu. Oleh itu, kaum Ansar menyediakan segala keperluan seperti tempat tinggal, makanan dan sebagainya kepada mereka.

Menutup aib

Menutup aib saudara sesama Islam khususnya, tidak kira saudara kandung, kerabat, jiran, rakan sekerja selagi mana masih bergelar Islam maka haram untuk kita membuka aib yang ada pada diri mereka. Perkara ini mungkin berlaku di sekeliling kita atau mungkin pada diri kita dengan merasa adalah menjadi kebiasaan untuk membuka aib saudara Islam sehingga melahirkan sifat hasad, iri hati dalam diri dan mungkin membawa kepada perkara yang lebih buruk iaitu mencetuskan pergaduhan. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

“Siapa yang menutup aib saudara Islamnya, Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat kelak.”

(Hadis Riwayat Ibn Majah, no. 2544)

Sebesar mana aib saudara Islam yang kita lihat atau diketahui, tutuplah lidah untuk tidak menceritakan kepada orang lain agar tidak melahirkan rasa malu ke atas dirinya. Dengan perbuatan diam ini, kita telah menyelamatkan lidah kita daripada membawa fitnah dan mengadu domba. Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

“Tidak akan masuk ke syurga bagi pengadu domba”

(Hadis Riwayat Muslim, no.105)

Menghormati orang tua & Mengasihi orang muda

Di dalam hidup bermasyarakat, kita mesti ada sifat saling hormat-menghormati antara satu sama lain supaya dapat menjalani kehidupan dengan harmoni dan memperkukuhkan lagi perpaduan persaudaraan. Kita juga dituntut untuk mencintai dan berkasih sayang sesama kita. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam:

“Mukmin dengan mukmin yang lain itu seperti bangunan saling berpegang teguh (saling mengeratkan) antara satu sama lain, lalu menyelat jari-jemari tangannya.”

(Hadis Riwayat al- Bukhari, no.2446)

“Bukanlah dari kami orang yang tidak mengasihi orang muda dan tidak menghormati orang tua.”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no.1919)

Membantu orang yang dizalimi

Termasuk dalam menjaga hak sesama Muslim ialah membantu orang yang dizalimi. Islam tidak membenarkan untuk menzalimi orang lain sama ada secara zahir atau batin. Kita mesti bersikap adil tanpa mengambil hak Muslim yang lain demi kepentingan peribadi. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam:

“Bantu saudaramu yang zalim dan dizalimi. Maka seorang lelaki berkata: kita membantu seseorang apabila dizalimi, tetapi bagaimana pula membantu orang yang membuat kezaliman? Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kamu mencegahnya daripada berbuat kezaliman, maka itulah memberi bantuan kepadanya.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no.6925)

Daripada Saidina Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu berkata, Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

“Janganlah kamu saling berdengki, janganlah kamu saling menipu dan memperdaya, janganlah kamu saling membenci, janganlah kamu saling memulaukan antara satu sama lain, janganlah sebahagian kamu memintas jualan orang lain, jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara. Setiap Muslim ialah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak boleh menzalimi, mengabaikan, membohongi atau menghinanya. Takwa itu di sini. Baginda Sallallahu ‘alaihi wasallam mengisyaratkan ke dadanya tiga kali. Sudah dianggap buruk apabila seseorang memandang rendah kepada saudara Muslim. Haram bagi setiap Muslim menumpahkan darah saudaranya, mengambil harta atau mencemarkan maruahnyanya.”

(Hadis Riwayat Muslim, no.2564)

Semoga kita menjadi seorang Muslim yang menjaga kebajikan dan hak-hak Muslim yang lain agar kehidupan kita menjadi lebih harmoni. Allah Subhanahu wata’ala meninggalkan al-Quran dan Hadis Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam untuk dijadikan panduan agar hidup kita sentiasa di landasan yang betul. Tidak lupa juga, jasa para ulama sebagai pewaris nabi yang menghimpunkan penjelasan-penjelasan al-Quran dan al-Hadis ini supaya kita dapat memahami dengan kefahaman yang benar bukan dengan hawa nafsu. Rasulullah Sallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara. Jika kamu semua berpegang pada keduanya, tidak akan tersesat sama sekali iaitu al-Quran dan as-Sunnah.”

(Hadis Riwayat Malik dalam Muwatta’, no.1874)

Wallahu ‘alam.